

Banjir di Sarawak, Sabah beransur pulih

Oleh ZAAIN ZIN, SITI NOR
AZIZAH TALATA dan
RAFIDAH YA'AKOB
pengarang@utusan.com.my

KUCHING 28 Dis. - Keadaan banjir di negeri ini dan Sabah beransur pulih apabila cuaca semakin baik sejak pagi ini sehingga menyebabkan air yang menenggelamkan kebanyakan kawasan mulai surut.

Berikutan itu, semakin ramai penduduk dibenarkan pulang menjadikan jumlah terkini mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan di negeri ini setakat pukul 3 petang ini berkurangan kepada 2,938 orang berbanding 7,592 orang semalam.

Tiga daerah yang menunjukkan penurunan ketara adalah Kota Samarahan yang mencatatkan hanya 1,333 mangsa hari ini berbanding 3,095 orang semalam diikuti Kuching (958) serta Sibu (539).

Pemangku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bencana Sarawak, Datuk Misnu Taha berkata, jumlah pusat pemindahan yang dibuka juga menurun kepada 11 buah berbanding 20 semalam.

"Keadaan banjir dijangka bertambah pulih memandangkan amaran hujan peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Ma-



SEORANG guru, Siti Zaharah Naroden membersihkan lantai sambil dibantu rakan setugasnya mengeringkan buku-buku teks yang basah di dalam sebuah kelas di Sekolah Kebangsaan Pendam, Sadongjaya, Sarawak, semalam.

laysia telah pun berakhir hari ini," katanya pada sidang akhbar selepas menggantikan Timbalan Ketua

Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Num-pang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut di Wisma Ba-

pa Malaysia di sini hari ini.

Menurutnya, meskipun keadaan banjir mulai surut, beberapa

jalan utama masih ditutup kepada kenderaan ringan kerana ditenggelami air sehingga satu meter antaranya ialah Jalan Pangkalan Pantu- Semban-Stumbin di Sri Aman dan dan Jalan Julau-Entabai di Sarikei

Dalam pada itu, Misnu berkata, berdasarkan perkembangan positif itu, pihaknya yakin sesi persekolahan di seluruh negeri akan bermula seperti yang dijadualkan.

DI **SANDAKAN**, seramai 287 daripada 351 mangsa banjir di Kampung Gum Gum telah dibenarkan pulang hari ini selepas paras air sungai Gum-Gum semakin surut.

Menurut Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN), seramai 64 mangsa banjir masih ditempatkan di Dewan Sri Gum-Gum di sini.

"Mangsa daripada 18 buah keluarga itu tidak dibenarkan pulang kerana rumah mereka terletak berhampiran tebing sungai yang mudah terdedah kepada banjir sekiranya air meningkat secara mendadak," kata portal itu.

Dalam pada itu portal berkenaan melaporkan sungai utama di Beluran masih berada pada paras berjaga-jaga.

"Penduduk berhampiran khususnya di Kampung Tangkarason,

Tanjung Nipis, Maidan, Lingkabau dan Simpangan diminta bersiap sedia berpindah sekiranya air meningkat secara mendadak," katanya.

Menurutnya, Kilometer 2.7 Jalan Off SPSP Beluran masih ditutup kepada semua kenderaan ringan kerana ditenggelami air dan orang ramai boleh menggunakan laluan alternatif Jalan Off SPSI Kilometer 6.3.

DI **KUDAT**, seramai 561 mangsa banjir telah dipindahkan ke Dewan Sikuti di sini, ekoran banjir teruk yang melanda tiga buah kampung di daerah itu.

Ketua Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Kudat, Jamaludin Hussin berkata, operasi memindahkan dan menyelamatkan mangsa telah dilakukan ekoran cuaca buruk berterusan sejak semalam.

"Operasi memindahkan mangsa bermula pukul 8.30 malam dan berterusan sehingga pukul 3 pagi yang melibatkan 139 buah keluarga.

"Mangsa yang terlibat adalah dari Kampung Korina, Kampung Nandang dan Kampung Andap Jawa di sini," katanya.

Menurut Jamaludin, keadaan cuaca buruk dengan hujan berterusan disertai air pasang setinggi 2.2 meter bermula pukul 9 malam semalam.